

BN Bertanding Di Kajang Kerana Mendukung Prinsip Demokrasi, Bukan Anwar - Razali Bernama
7 Mac, 2014

KAJANG, 7 Mac (Bernama) -- Keputusan Barisan Nasional (BN) bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang ialah sebagai mendukung prinsip demokrasi dan atas dasar menyemarakkan amalan politik matang kepada rakyat, kata anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Razali Ibrahim.

Oleh itu, katanya, sekalipun Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak dinamakan sebagai calon PKR untuk pilihan raya kecil itu, BN tetap akan meletakkan calonnya bertanding.

"(Sama ada) Anwar bertanding atau tidak bukan isunya, walaupun sekarang ini dilihat kita dibelenggu dengan namanya. Menang atau kalah, yang penting adalah kita (BN) bersungguh-sungguh pada pilihan raya kecil ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Pendidikan dan Kerjaya Daerah Hulu Langat di sini Jumaat.

"Kita sebenarnya perlu memilih pemimpin menerusi cara yang sepatutnya, bukan dengan memainkan sentimen yang mencetuskan kemarahan atau menerusi fitnah," tegas beliau.

Razali yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata demikian semasa diminta mengulas kenyataan anggota Parlimen Bayan Baru Sim Tze Tzin yang dilaporkan portal berita (MalaysiaKini) bahawa Anwar berkemungkinan tidak dapat bertanding jika pihak pendakwaan berjaya dalam rayuan kes liwat membabitkan Anwar di Mahkamah Rayuan.

Sim dilaporkan sebagai berkata Mahkamah Rayuan dijadual memberi penghakiman pada petang Isnin, menyebabkan Anwar tidak mempunyai masa untuk memohon penggantungan pelaksanaan hukuman di Mahkamah Persekutuan, sedangkan hari penamaan ditetapkan Selasa ini.

Anwar diumumkan oleh PKR sebagai calonnya pada pilihan raya kecil itu yang bakal diadakan pada 23 Mac, sehari selepas Adun Kajang Lee Chin Cheh meletak jawatan secara mengejut pada 27 Jan lepas, manakala calon BN ialah Naib Presiden MCA Datin Paduka Chew Mei Fun.

Sementara itu, Razali dalam ucapan perasmian karnival itu berkata program itu yang dirancang sejak tiga bulan lalu bukan diadakan di Kajang sahaja tetapi akan menjelajah ke seluruh negara.

Sebanyak 26 Institut Pengajian Tinggi dan Swasta mengambil bahagian pada karnival yang berlangsung sehingga esok.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020055>